

DATE: 20 JULY 2018
PUBLICATION: UTUSAN
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: MAYBANK BIAYA PROJEK PARAGON RM300 JUTA
CATEGORY: COMPANY NEWS

Maybank biaya projek Paragon RM300 juta

KUALA LUMPUR 19 Julai - Maybank menyediakan kemudahan pembiayaan sebanyak AUD\$100 juta (RM300 juta) kepada projek Paragon di Melbourne, Australia.

Pengarah Urusan Perbankan Korporat Maybank, Michael Oh-Lau Chong Jin berkata, pemberian kemudahan tersebut adalah yang kali kedua oleh Maybank selepas kejayaan pembangunan Gardenhill yang siap sepenuhnya pada tahun lalu.

“Beulah International sangat inovatif dalam projek yang mereka laksanakan dan ia telah memberi keyakinan kepada kami (Maybank) bahawa mereka akan berjaya dengan Paragon. Kami berbesar hati untuk terlibat sama dengan projek ini,” katanya dalam majlis menandatangani perjanjian antara Beulah International, Fajarbaru Builder Group (Fajarbaru) dan KHK Group di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Beulah International, Chan Jiaheng; Pengarah Eksekutif Kumpulan Fajarbaru, Datuk Seri Eric Kuan Khian Leng dan Pengarah Urusan KHK Group, Jo Jo Kong.

Paragon merupakan projek pembangunan 227 buah apartmen mewah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak AUD\$200 juta (RM600 juta).



CHAN JIAHENG (dua dari kanan) menunjukkan dokumen perjanjian bersama **Michael Oh Lau Chong Jin** di Majlis Menandatangani Perjanjian antara Maybank dan Fajarbaru Builder Group Berhad di Kuala Lumpur, semalam.

Hampir 90 peratus telah terjual dengan 30 peratus dibeli oleh rakyat Malaysia.

Projek berkenaan adalah kerjasama antara tiga buah syarikat iaitu Beulah, Fajarbaru serta KHK Group dengan masing-masing memegang kepentingan sebanyak 42.8 peratus, 22.2 peratus dan 35 peratus.

Dalam pada itu, Jiaheng berkata, beliau optimis baki jualan unit Paragon dapat dicapai dalam tempoh dua tahun memandangkan projek berkenaan dijangka siap pada suku ketiga 2020.

Sementara itu, Khian Leng berkata, kerjasama antara Fajarbaru dan Beulah melibatkan tiga buah projek iaitu Gardenhill dan Paragon termasuk satu projek yang masih dalam peringkat perbincangan.

“Kami telah membeli tanah di Northcote bagi tujuan pelaksanaan projek terbaharu ini. Pembangunan itu akan melibatkan pembinaan sekurang-kurangnya 15 buah rumah bandar dengan anggaran GDV AUD\$33 juta (RM98.66 juta),” katanya.